



30 Julai 2025
30 July 2025
P.U. (A) 224

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) (PINDAAN) 2025

*WATER SERVICES INDUSTRY
(RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)
(PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Wilayah Persekutuan Labuan) (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Pindaan Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2015 [*P.U. (A) 170/2015*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) berhubung dengan butiran 5—

(i) dalam ruang (4), dengan menggantikan perkataan “7.02” dengan perkataan “8.01”; dan

(ii) dalam ruang (5), dengan menggantikan perkataan “70.20” dengan perkataan “80.10”; dan

(b) dengan memasukkan selepas butiran 5 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Bil.	Jenis penggunaan	Jumlah penggunaan	Kadar setiap meter padu (RM)	Kadar minimum (setiap bulan) (RM)
"6.	Pusat data	kadar rata	5.31	53.10".

Penggantian Jadual Kedua

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

[Peraturan 3]

JENIS PENGGUNAAN

(1)	(2)	(3)
Bil.	Jenis penggunaan	Perihalannya
1.	Domestik (meter individu)	Bekalan air melalui meter individu atau meter petak ke premis kediaman atau unit kediaman
2.	Domestik (meter pukal)	Bekalan air melalui meter pukal ke bangunan kediaman bertingkat tinggi, komuniti berpagar, premis kediaman, unit kediaman, kuarters estet dan kuarters kerajaan
3.	Bukan domestik	Premis komersial, premis industri, premis perdagangan, premis perniagaan, premis kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, perusahaan pemprosesan air

(1)	(2)	(3)
Bil.	Jenis penggunaan	Perihal
		(termasuk kios air), perladangan dan perkebunan
4.	Rumah ibadat dan institusi kebajikan	Rumah ibadat yang pembinaannya diluluskan oleh kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau pengoperasiannya diluluskan oleh badan keagamaan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memberikan kelulusan bagi rumah ibadat Institusi kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang diberikan pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah institusi kebajikan
5.	Perkapalan	Bekalan air untuk kegunaan di atas kapal yang berlabuh di pelabuhan
6.	Pusat data	Premis yang digunakan secara khusus untuk menempatkan peralatan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara berpusat bagi maksud mengurus data termasuk menyimpan, mengumpul, memproses atau mengagih data”.

Dibuat 30 Julai 2025
[PETRA. BAP. 100-1/1/3 KLT. 5 (14); PN(PU2)660/JLD.19]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 84(2)(a) and 179(i) of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Water Services Industry (Rates for Water Supply Services) (Federal Territory of Labuan) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2025.

Amendment of First Schedule

2. The Water Services Industry (Rates for Water Supply Services) (Federal Territory of Labuan) Regulations 2015 [*P.U. (A) 170/2015*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in the First Schedule—

(a) in relation to item 5—

(i) in column (4), by substituting for the words “7.02” the words “8.01”; and

(ii) in column (5), by substituting for the words “70.20” the words “80.10”; and

(b) by inserting after item 5 and the particulars relating to it the following item and particulars:

(1) No.	(2) Type of use	(3) Amount of consumption	(4) Rate per cubic metre (RM)	(5) Minimum charge (per month) (RM)
	"6. Data centre	flat rate	5.31	53.10".

Substitution of Second Schedule

3. The principal Regulations are amended by substituting for the Second Schedule the following schedule:

"SECOND SCHEDULE

[Regulation 3]

TYPE OF USE

(1) No.	(2) Type of use	(3) Description
1.	Domestic (individual meter)	Supply of water through individual meter or parcel meter to residential premises or residential units
2.	Domestic (bulk meter)	Supply of water through bulk meter to high rise residential building, gated community, residential premises, residential units, estate quarters and government quarters
3.	Non-domestic	Commercial premises, industrial premises, trade premises, business premises, government premises, school, institute of higher learning, hospital, water processing industry (including water kiosk), plantation and farming

(1)	(2)	(3)
No.	Type of use	Description
4.	House of worship and welfare institution	House of worship which its construction was approved by the government under any written laws or its operation was approved by the relevant religious bodies recognized by the government to give approvals for houses of worship Welfare institution registered with the Department of Social Welfare, given tax exemptions by the Inland Revenue Board of Malaysia or recognized by the government as a welfare institution
5.	Shipping	Supply of water for the use aboard ships anchored at port
6.	Data centre	Premises specifically used to centrally house equipment and infrastructure of information technology and communication for the purpose of managing data including storing, collecting, processing or distributing data”.

Made 30 July 2025

[PETRA. BAP. 100-1/1/3 KLT. 5 (14); PN(PU2)660/JLD.19]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Energy Transition and Water Transformation